

Bina semula klinik rosak banjir

Kota Bharu: Klinik desa di negeri ini yang rosak teruk akibat bencana banjir pada Disember tahun lalu akan dibina semula mulai hujung tahun ini di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Menteri Kesihatan Datuk Seri, Dr S Subramaniam berkata, 10 klinik berkenaan yang rosak akan dibina di tapak asal atau tapak lain mengikut kesesuaian.

“Antara yang terjejas teruk termasuk Klinik Desa (KD) Sokor, Tanah Merah, KD Karangan, Kuala Krai dan KD Pasir Pekan, Tumpat.

“Buat sementara waktu, klinik ini beroperasi di dalam khemah yang turut memiliki kemudahan penghawa dingin, sebelum dipindahkan dalam kabin sementara dalam masa terdekat.

“Klinik ini akan dibina di tapak asal atau di tapak lain yang difikirkan sesuai dan pembinaannya mengambil masa dua hingga tiga tahun,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Mangsa Banjir dan Penghargaan untuk warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Farida Mohd Ali dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.

Seramai 2,122 kakitangan kesihatan di Kelantan membabitkan empat jajahan yang juga mangsa banjir menerima sumbangan, keseluruhan bernilai RM509,280.

Subramaniam berkata, bagi kemudahan dan fasiliti hospital serta klinik yang rosak dijangka siap dibaiki sepenuhnya sebelum Disember ini.

“Keseluruhan kita diperuntukkan RM125 juta dan di Kelantan saja, babit RM73 juta. Walau ada sedikit kekurangan, kementerian beri jaminan perkhidmatan kesihatan ditawarkan kepada orang ramai masih berjalan seperti biasa,” katanya.

Terdahulu ketika melancarkan Klinik 1Malaysia (K1M) Pasir Pekan, Tumpat, beliau berkata, klinik itu mula beroperasi 1 April 2013, dinaik taraf bermula tahun lalu dan sudah siap sepenuhnya.